



Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Pekan.

Info

Program MBA Elektif Bioekonomi

→ **Orang ramai** boleh menghubungi Bahagian Akademik UAE di talian 09-5493176 atau e-mel info@ump.ae.com.my serta layari www.ump.edu.my bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Elektif Bioekonomi secara luar kampus.

UMP tawar MBA Elektif Bioekonomi luar kampus

BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) 15 AGOS 2016 M/s 22

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui anak syarikatnya, UMP Advanced Education (UAE) mengorak langkah menjadi universiti awam pertama menawarkan program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Elektif Bioekonomi secara luar kampus.

Program itu dijalankan menerusi kerjasama strategik dengan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) secara luar kampus iaitu di Menara Atlan, Kuala Lumpur yang selaras usaha UMP mempelbagaikan kaedah penawaran program sarjana.

Pengurus Besar Akademik UAE, Amirul Ahmad, berkata program

mengambil tempoh minimum empat semester dan maksimum lapan semester itu membabitkan penawaran 15 subjek iaitu 10 subjek teras dan lima subjek elektif.

Tawar 10 kursus teras

Katanya, program ini akan memberi fokus aspek pengurusan semasa dan isu kontemporari industri bioteknologi.

"Penawaran 10 kursus teras merangkumi pengurusan ekonomi, pengurusan operasi, keusahawanan, pengurusan strategik, pemasaran strategik, pengurusan kewangan, kepimpinan strategik dan transformasi perniagaan.

"Elektif bioteknologi pula me-



Amirul Ahmad

rangkumi subjek isu kontemporari dalam ekonomi bio, rangkaian bekal dalam perniagaan, inovasi perniagaan bagi antarabangsa, pengurusan projek dalam perniagaan bio serta pembangunan produk dan pengkormersialan," katanya di sini, semalam.

Bangunkan perniagaan

Amirul berkata, keunikan program itu adalah ia mengintegrasikan teori dan pengalaman industri bertujuan membolehkan graduan sarjana membangunkan perniagaan serta amalan pengurusan berasaskan industri bioteknologi.

"Semua elemen berkenaan penting bagi memupuk graduan ho-

listik dengan kecemerlangan kemahiran dalam pasaran perniagaan semakin kompetitif dan global berdasarkan perniagaan serta pengetahuan teknologi terkini," katanya.

Beliau berkata, syarat kemasukan program itu adalah memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan purata nilai gred terkumpul (CGPA) minimum 2.50 atau kelayakan setara diiktiraf Senat.

"Calon memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan purata nilai gred terkumpul kurang daripada 2.50 juga layak dipertimbangkan dengan syarat memiliki lima tahun pengalaman kerja dalam industri berkaitan," katanya.